

Newspaper	BERITA MINGGU
Date	28/11/2010

ATM wajar guna paramotor bagi tugas operasi

BM - 28/11/2010

LANGKAWI: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyarankan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menggunakan peluncur udara bermotor atau paramotor untuk pengangkutan dan tugas operasi.

Dr Mahathir berkata, penggunaan paramotor lebih mudah kerana tidak memerlukan banyak ruang landasan untuk berlepas dan mendarat.

"Adalah sesuai ATM menggunakan paramotor untuk pengangkutan termasuk tugas operasi serta mencari dan menyelamat," katanya kepada pemberita selepas menyambut ketibaan juruterbang yang menyertai Cabaran Satun-Langkawi Paramotor Antarabangsa 2010 di perkarangan Kompleks Pekan Rabu Kuah di sini, semalam.

Turut menyambut kumpulan peserta itu ialah Presiden Kelab Rekreasi Langkawi (Kerel), Datuk Mansor Ismail.

Pada ekspedisi itu, sembilan peluncur udara mencipta rekod sukan paramotor apabila muncul kumpulan pertama merentasi Selat Melaka bagi perjalanan sejauh 58 kilometer yang mengambil masa kira-kira sejam.



DR MAHATHIR diiringi Basir (tiga dari kiri) mencuba paramotor sejeurus menyambut ketibaan sembilan penerbang yang menyertai Cabaran Satun-Langkawi di pekarangan Kompleks Pekan Rabu Kuah, Langkawi, semalam.

Dr Mahathir berkata, ketika ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) menggunakan paramotor untuk tugas pengangkutan.

Beliau berkata, paramotor itu juga boleh digunakan untuk operasi dan meninjau kejadian banjir.

Dr Mahathir juga menyarankan golongan remaja berusia 15 tahun ke atas merebut peluang menjadi juruterbang melalui sukan paramotor ba-

gi membiasakan diri.

"Kita mahu melahirkan ramai juruterbang kerana keperluan meningkat berikutan permintaan juruterbang terutama di Amerika Syarikat semakin bertambah," katanya.

Beliau berkata, sukan paramotor perlu digalakkan untuk dimajukan malah beliau yakin ia boleh menjadi tarikan pelancong di Langkawi.

Terdahulu, ekspedisi anju-

ran Kerel dengan kerjasama Pertubuhan Pentadbiran Wilayah Satun (PPWS), Majlis Perbandaran Langkawi dan Lembaga Pembangunan Langkawi itu berlepas dari Lapangan Terbang Satun, Thailand pada jam 9.30 pagi.

Diketuai Presiden Persatuan Paramotor Malaysia (MPA), Kol (B) Basir Abdul Rahman, kumpulan peluncur udara yang diiringi bot ronda Pasukan Gerakan Ma-

rin (PGM) Langkawi, tiba di pekarangan Kompleks Pekan Rabu Kuah di sini, pada jam 10.30 pagi.

Kumpulan peserta itu memecah rekod yang sebelum ini dipegang acara Paramotor Marathon Langkawi-Kuala Perlis merentasi Selat Melaka sejauh 33 kilometer yang dianjurkan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada 2002.

Sementara itu, Basir berkata, pada mulanya, ekspedisi disertai 12 peluncur udara sebelum tiga daripada mereka mengalami masalah enjin dan terpaksa mendarat atas air selepas kira-kira setengah jam berada di udara.

"Sembilan peserta berpengalaman tiba di lokasi ditetapkan iaitu empat peserta individu, tiga peserta yang mewakili Universiti Utara Malaysia (UUM) manakala dua peserta lagi dari Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Saya peserta pertama mendarat pada jam 10.30 pagi diikuti Mustafa Kamal Al-Mansor, kira-kira lima minit kemudian sebelum disusuli peserta ketiga, Farid Abdul Rahman," katanya.

Setiap paramotor dengan berat 30kg berharga RM25,000 hingga RM30,000 dengan kelajuan antara 30 hingga 60km sejam.

HAMZAH OSMAN | BERITA MINGGU